

## METODOLOGI PENYUSUNAN HADIS OLEH AL-GHAZĀLĪ DALAM *MINHĀJ AL-‘ĀBIDĪN*: ANALISIS BAB ILMU

*(The Methodology of Hadith Compilation by al-Ghazālī in Minhāj al-‘Ābidīn:  
Analysis in the Knowledge Chapter)*

<sup>1</sup>UMAR ABD RASHID

<sup>2</sup>DZULFAIDHI HAKIMIE DZULRAIDI\*

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan  
Johor, Kampus Segamat, 85000 Johor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603  
Kuala Lumpur, Malaysia

---

### ABSTRACT

Al-Ghazālī is one of the most renowned Islamic scholars, famous for authoring high-quality works that are well-known in the Nusantara region, particularly in Malaysia. Among his works is *Minhāj al-‘Ābidīn*, which is frequently used as teaching material in surau and mosques. However, criticism regarding his hadith knowledge and the methodology he used to incorporate hadith into this work has raised questions about Al-Ghazālī’s hadith compilation methodology. This study offers a different perspective by focusing not only on hadith analysis but also on the analysis of narrators to obtain preliminary findings and produce a transparent study. The methodology employed is a qualitative approach, using documentation analysis for data collection and content analysis for data analysis. The study found that Al-Ghazālī included nine hadiths in the chapter on knowledge, eight of which were found in hadith books, while one could not be found. The study also discussed a total of 52 narrators from these hadiths and conducted a preliminary analysis. Therefore, the study recommends further research on other chapters of *Minhāj al-‘Ābidīn* to obtain more comprehensive and robust findings.

**Keywords:** Al-Ghazālī; *Minhāj al-‘Ābidīn*; hadith, narrators; hadith compilation methodology.

---

\*Corresponding author: Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, e-mel: dzuldzulraidi@gmail.com

Diterbitkan: 14 August 2024

Diterima: 5 September 2024

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2024-1602-04>

## ABSTRAK

*Al-Ghazālī merupakan antara cendekiawan Islam tersohor yang banyak menghasilkan karya-karya berkualiti di Nusantara khususnya Malaysia. Antara karya beliau adalah Minhāj al-‘Ābidīn yang sentiasa digunakan sebagai silibus pengajaran di surau-surau dan masjid. Namun begitu, kritikan terhadap kaedah beliau memasukkan hadis dalam karyanya ini telah menimbulkan persoalan mengenai apakah metodologi al-Ghazālī dalam penyusunan hadis. Kajian ini membawa perspektif berbeza dengan memfokuskan bukan sahaja kepada analisis hadis bahkan terhadap analisis perawi agar dapatan rintis dapat diperolehi dan menghasilkan kajian yang transparan. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif berdasarkan analisis dokumen sebagai pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data. Kajian ini mendapati sebanyak sembilan hadis telah dikeluarkan oleh al-Ghazālī dalam bab ilmu, lapan daripadanya dijumpai dalam kitab hadis manakala satu hadis tidak dijumpai sumbernya. Kajian juga membahaskan sejumlah 52 perawi daripada hadis tersebut dan melakukan analisis terhadap status mereka. Justeru itu, kajian mencadangkan sebuah kajian lanjutan dalam bab-bab lain kitab Minhāj al-‘Ābidīn ini dijalankan agar dapatan kajian yang diperolehi lebih sempurna dan kukuh.*

**Kata Kunci:** *al-Ghazālī; Minhāj al-‘Ābidīn; hadis, perawi; metodologi penyusunan hadis*

## PENGENALAN

### Latar Belakang Kajian

Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī, yang lebih dikenali sebagai al-Ghazālī, adalah seorang ulama dan pemikir Islam yang terkemuka pada zaman pertengahan iaitu antara 750 – 1250 Masihi (Kamal Azmi Abd Rahman 2023). Beliau dikenali dengan karya-karya agungnya dalam pelbagai bidang, termasuk teologi, falsafah, dan tasawuf (Gearon 2017). Salah satu karya penting beliau adalah *Minhāj al-‘Ābidīn*, yang ditulis pada akhir hayatnya. Kitab ini dianggap sebagai karya terakhir al-Ghazālī dan menjadi rujukan utama dalam bidang tasawuf dan akhlak (Aminudin 2021). *Minhāj al-‘Ābidīn* adalah sebuah karya yang memberikan panduan lengkap tentang perjalanan rohani seorang hamba menuju Allah. Ia mengandungi nasihat-nasihat tentang bagaimana mengendalikan hawa nafsu, pentingnya taubat, dan cara-cara untuk mendekati diri kepada Allah (Che Zarrina Sa’ari 2021). Salah satu bab penting dalam kitab ini adalah bab ilmu, yang menekankan kepentingan ilmu dalam kehidupan seorang Muslim dan memberikan panduan tentang cara mencari dan mengamalkan ilmu yang benar.

Namun, kedudukan hadis-hadis dalam *Minhāj al-‘Ābidīn* dipertikaikan. Hal ini kerana terdapat pandangan-pandangan daripada tokoh Islam yang mengkritik pengetahuan al-Ghazālī dalam hadis seperti Sayyid Muhammad ‘Aqīl (1998). Begitu juga berikutan al-Ghazālī tidak meletakkan sanad-sanad secara lengkap dan status hadis dalam karya tersebut (Dewi Komalasari 2017). Dakwaan ini menimbulkan persoalan mengenai metodologi al-Ghazālī ketika menyusun hadis dalam karyanya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis metodologi penyusunan hadis oleh al-Ghazālī dalam *Minhāj al-‘Ābidīn* bermula dengan bab ilmu. Hal ini berikutan ia merupakan bab pertama dalam kitab ini.

Oleh yang demikian ia membawa kepada beberapa persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah rujukan hadis-hadis yang dimasukkan dalam bab ilmu *Minhāj al-‘Ābidīn*?
2. Bagaimanakah status perawi-perawi yang meriwayatkan hadis-hadis tersebut?
3. Apakah status bagi hadis-hadis yang dimasukkan oleh al-Ghazālī?

Kajian juga telah melakukan semakan kajian-kajian lepas di pangkalan data Google Scholar tanpa menetapkan tempoh masa kajian dan mendapati tiada kajian lepas membahaskan mengenai topik yang sama. Terdapat kajian-kajian yang memfokuskan kepada subjek *Minhāj al-‘Ābidīn* namun tidak membahaskan mengenai metodologi penyusunan hadis beliau. Rujuk jadual di bawah:

No.	Penulis	Tajuk	Tahun	Objektif Kajian
1.	Aminudin	Pemikiran Etika Sufistik Menurut al-Ghazali dalam Kitab <i>Minhaj al-‘Abidin</i>	2021	Mengkaji mengenai konsep etika sufi yang dibawa oleh al-Ghazālī.
2.	Mohd Afandi Mat Rani et. al.	<i>The Book of Minhaj al-‘Abidin: The Contribution of Al-Ghazali’s Thought in the Moral Education of Today’s Society</i>	2022	Membahaskan mengenai kontribusi al-Ghazālī dalam pendidikan moral berasaskan kitab <i>Minhāj al-‘Ābidīn</i> .

- |    |                        |   |      |  |
|----|------------------------|---|------|--|
| 3. | Che Zarrina Sa'ari     | <i>Some Aspects of Sufism in Minhaj al-'Arifin of al-Ghazali</i>              | 2021 | Mengkaji mengenai asas-asas sufi yang dibahaskan oleh al-Ghazālī dalam <i>Minhāj al-‘Ābidīn</i> .  |
| 4. | Roslina Othman et. al. | <i>A finite state model for a self-help system based on minhaj ‘al Abidin</i> | 2016 | Membangunkan dan menerapkan model keadaan terhingga ( <i>finite state model</i> ) ke dalam sistem bantuan diri berdasarkan konsep maqam dalam kitab <i>Minhāj al-‘Ābidīn</i> oleh Imam al-Ghazali. |
- 

Justeru, terdapat kesenjangan dalam kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan keperluan mendesak untuk kajian ini dijalankan. Ketiadaan kajian yang mendalam mengenai metodologi penyusunan hadis dalam *Minhāj al-‘Ābidīn* mencerminkan jurang pengetahuan yang perlu diisi. Kajian ini bukan sahaja akan memberikan nilai tambah kepada kajian-kajian hadis, tetapi juga memperkaya pemahaman tentang karya al-Ghazālī, terutamanya dalam aspek penyusunan dan pemilihan hadis. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan literatur akademik dalam bidang hadis dan tasawuf, serta memberikan panduan yang lebih jelas kepada pengkaji masa hadapan yang berminat dalam karya al-Ghazālī.

### Biodata al-Ghazālī

Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, lebih dikenali sebagai al-Ghazālī (Mohd Hidayat Mahadi 2018). Dilahirkan pada tahun 450 Hijrah / 1058 Masihi di Tus, Khurasan (al-Rasyidin & S. Nizar 2005). al-Ghazālī dikenali sebagai hujjat al-islām kerana pengaruh besar beliau dalam dunia pemikiran Islam (Wilan Jauhari 2018). Nama asal beliau adalah Muhammad, tetapi beliau lebih dikenali sebagai Abū Hāmid kerana anak lelakinya yang bernama Hāmid meninggal dunia ketika masih bayi (Murtadā al-Zubaidī 1996). Terdapat dua pendapat mengenai asal-usul nama al-Ghazālī, satu merujuk kepada nama daerah kelahirannya, Gazalah, dan satu lagi merujuk kepada pekerjaan ayahnya sebagai penenun kain, yang disebut Gazzāl (al-Ghazālī 1993; Shariff 1994).

Al-Ghazālī merupakan seorang ulama yang berpengaruh dalam pelbagai bidang, termasuk teologi, falsafah, dan tasawuf. Beliau mula terkenal ketika mengajar di madrasah Nizamiyyah di Baghdad. Namun pada tahun 1095, al-Ghazālī mengalami krisis spiritual yang membuatkan beliau meninggalkan jawatannya dan mengembara sebagai seorang sufi selama lebih dari satu dekad (Abdul Salam Hj Yussof 2005). Pengalaman ini memperdalam pemahamannya tentang kehidupan rohani dan membawa kepada penulisan karya-karya agung seperti *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan *Tahāfut al-Falāsifah* (Maududi 2009). Karya *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* adalah sebuah ensiklopedia tentang kehidupan rohani dan etika Islam yang mempengaruhi pemikiran Islam sepanjang zaman. Dalam karya ini, al-Ghazālī menekankan pentingnya memahami ajaran Islam bukan hanya dari segi ritual, tetapi juga dari segi rohani dan etika (Smart 2008; Wan Razali et. al. 2020). Beliau juga mengkritik para ahli falsafah yang menurutnya terlalu bergantung pada rasionalisme dan mengabaikan aspek-aspek spiritual dan etika Islam. Kritikan al-Ghazālī terhadap falsafah Yunani, seperti yang terungkap dalam *Tahāfut al-Falāsifah*, menandakan satu titik perubahan penting dalam sejarah pemikiran Islam (Kamal Azmi Abd Rahman 2023).

Pengaruh al-Ghazālī melangkaui dunia Islam, dengan karyanya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan dikaji oleh sarjana-sarjana Barat. Misalnya, karya-karya beliau telah diterjemahkan dan dikaji oleh orientalis terkenal seperti W.M. Gairdner dan Margaret Smith (Azlan Khalili Shamsudin 1991). Al-Ghazālī juga dikritik oleh beberapa pemikir, termasuk Ibn Taimiyyah dan Ibn Rusyd. Ibn Taimiyyah mengkritik penggunaan hadis-hadis lemah dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* serta pengaruh falsafah Yunani dalam karya-karyanya (Abdul Salam Hj Yussof 2016). Namun, kritikan-kritikan ini tidak mengurangi penghargaan yang diberikan kepada al-Ghazālī sebagai seorang pemikir besar yang mampu menyatukan ilmu pengetahuan dan spiritualiti dalam ajaran Islam.

Selain sebagai seorang pemikir dan penulis, al-Ghazālī juga dikenal sebagai seorang reformis sosial. Beliau mengkritik sistem pendidikan pada zamannya yang memisahkan ilmu keduniaan dari ilmu agama dan mencadangkan kurikulum yang lebih holistik dengan menggabungkan kedua-duanya (Maududi 2009). Al-Ghazālī juga memberi sumbangan besar dalam memperbaiki moral dan agama masyarakat Islam melalui karya-karyanya yang menjelaskan konsep-konsep etika dan spiritual Islam secara mendalam (Maududi 2009).

Abū Hāmid al-Ghazālī meninggalkan warisan intelektual besar yang terus mempengaruhi pemikiran Islam hingga ke hari ini. Karya-karya beliau masih dikaji dan dihormati oleh sarjana-sarjana Islam dan bukan Islam dan beliau tetap menjadi tokoh yang penting dalam sejarah intelektual Islam (Abdul Salam Hj Yussof 2016).

## Pengenalan kitab *Minhāj al-‘Ābidīn*

Kitab *Minhāj al-‘Ābidīn* adalah salah satu karya besar dari al-Ghazālī. Kitab ini ditulis pada akhir hayat beliau dan dianggap sebagai karya terakhir yang dihasilkan oleh al-Ghazālī. Judul lengkap kitab ini adalah *Minhāj al-‘Ābidīn ilā al-Jannah* yang bermaksud Jalan Para Ahli Ibadah Menuju Surga. Namun, ia lebih dikenali dengan judul ringkasnya, *Minhāj al-‘Ābidīn* (Aminudin 2021).

Beberapa sarjana barat seperti Brockelmann, Massignon, dan Tāshkopru-zāde menerima bahawa *Minhāj* ditulis oleh al-Ghazālī, sementara yang lain seperti Palacios, Watt, dan Badawī meragui kesahihannya (Che Zarrina Sa’ari 2021). Palacios berpendapat bahawa *Minhāj* bukan karya al-Ghazālī ini tidak mempunyai prakata atau penjelasan sebab pengarang menulisnya. Begitu juga isi kitab ini tidak menukil langsung karya al-Ghazālī yang lain sehingga menimbulkan keraguan terhadap keaslian kitab ini (Palacios 1952). Watt menyokong pandangan Palacios. Sebaliknya, Badawī turut meragui kesahihan *Minhāj* tetapi tidak bersetuju sepenuhnya dengan hujah Palacios (Watt 1949). Badawī menyatakan bahawa al-Ghazālī memang kadangkala tidak menyebut sebab penulisan dalam karyanya yang asli. Walau bagaimanapun, Badawī tidak memberikan contoh untuk menyokong dakwaannya (Che Zarrina 2021). Namun, Che Zarrina Sa’ari (2021) dalam kajiannya telah membuktikan kesahihan penisbahan penulisan ini dengan analisis perbandingan bersama karya-karya al-Ghazālī yang lain.

Kitab *Minhāj al-‘Ābidīn* mengandungi panduan lengkap untuk mencapai tingkatan spiritual yang tinggi melalui ibadah dan akhlak yang mulia (Rani et al. 2002). Al-Ghazālī memfokuskan kandungan kitab ini kepada murid-muridnya yang telah mencapai tahap tertentu dalam pengajian mereka. Salah seorang muridnya yang terkenal, Abd al-Malik telah menulis dan menyusun kitab ini berdasarkan arahan langsung dari al-Ghazālī (Aminudin 2021).

*Minhāj al-‘Ābidīn* terkenal dengan sistematikanya yang jelas dan tegas. al-Ghazālī sendiri menilai kitab ini sebagai lebih unik dan tersusun berbanding karya agungnya yang lain, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Karya ini menggabungkan ilmu-ilmu akhirat dan panduan ibadah yang bersifat batiniyah, yang tidak banyak dibicarakan dalam ilmu *fiqh* dan ilmu kalam (Che Zarrina 1998).

al-Ghazālī dalam *Minhāj al-‘Ābidīn* menekankan pentingnya mengendalikan hawa nafsu dan taubat sebagai jalan mendekati diri kepada Allah SWT. Beliau menjelaskan bahawa nafsu adalah musuh dalaman yang paling berbahaya dan sukar diatasi. Oleh itu, al-Ghazālī mengajarkan bahawa mengendalikan hawa nafsu adalah langkah pertama yang mesti diambil oleh seseorang yang ingin mencapai kedekatan dengan Allah (Mohd Afandi Mat Rani et al. 2022).

Kitab *Minhāj al-‘Ābidin* juga dikenali kerana gaya penulisannya yang menggugah dan mendalam. Al-Ghazālī menggunakan bahasa yang indah dan penuh hikmah untuk menyampaikan nasihat-nasihat spiritualnya. Ini menjadikan kitab ini bukan sahaja sebagai panduan ibadah tetapi juga sebagai sumber inspirasi rohani bagi umat Islam (Aminudin 2022).

Pengaruh *Minhāj al-‘Ābidin* sangat luas, baik di Timur mahupun di Barat. Karya ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan dikaji oleh sarjana-sarjana dari pelbagai latar belakang. Di Nusantara, pengaruh al-Ghazālī dan karya-karyanya, termasuk *Minhaj al-‘Abidin*, sangat kuat dan terus menjadi rujukan utama dalam pengajian tasawuf dan akhlak (Aminudin 2021). Secara keseluruhannya, *Minhāj al-‘Ābidin* adalah sebuah karya monumental yang mencerminkan kebijaksanaan dan kedalaman spiritual al-Ghazālī. Ia memberikan panduan yang jelas dan praktikal bagi sesiapa yang ingin mengabdikan diri kepada Allah dan mencapai kebahagiaan yang abadi. Karya ini terus menjadi sumber rujukan dan inspirasi bagi umat Islam di seluruh dunia.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kualitatif. Hal ini disebabkan, pendekatan kualitatif adalah yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam seperti mengkaji metodologi penyusunan hadis oleh al-Ghazālī dalam *Minhāj al-‘Ābidin*, khususnya dalam menganalisis perawi pada bab ilmu (Mohd Awang Idris et al. 2018).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti metodologi penyusunan hadis oleh al-Ghazālī. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF, dan perpustakaan digital seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*. Kajian ini juga akan mengumpulkan data dari karya-karya al-Ghazālī yang lain untuk memahami metodologi penulisan beliau. Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti metodologi penyusunan hadis oleh al-Ghazālī. Selain itu, analisis hadis dan perawi dalam *Minhāj al-‘Ābidin* juga akan merujuk berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan hadis yang muktabar.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang metodologi penyusunan hadis oleh al-Ghazālī dalam *Minhāj al-‘Ābidin*, serta untuk memahami pendekatan beliau dalam menilai dan memilih perawi hadis pada bab ilmu. Analisis

yang teliti terhadap sumber-sumber yang diperoleh akan memberikan pandangan yang mendalam tentang keunikan dan keistimewaan metodologi al-Ghazālī dalam penyusunan hadis. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan metode analisis kandungan, kajian ini berharap dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang kajian hadis dan memahami sumbangan al-Ghazālī dalam bidang ini.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Al-Ghazali memulakan perbincangan kitab *Minhāj al-‘Ābidīn* dengan ‘*aqabah* (rintangan] ilmu kerana mengambil kira bahawa ilmu merupakan salah satu daripada dua elemen yang amat penting untuk menuju Allah SWT. Beliau menyebutkan di dalam kitabnya:

Ketahuilah bahawasanya ilmu dan ibadat itu merupakan dua permata. Disebabkan kedua-duanyalah terjadi apa yang engkau baca dan engkau dengar, sama ada berupa penulisan oleh para penulis, pengajaran oleh para guru, nasihat oleh para pemberi nasihat dan penelitian oleh para pemikir. Bahkan, lantaran kedua-duanya pula, kitab-kitab suci telah diturunkan kepada para Rasul. Diciptakan langit dan bumi serta [segala] sesuatu yang [berada] antara kedua-duanya daripada makhluk (al-Ghazali 2006).

Terdapat sembilan hadis yang digunakan al-Ghazali di dalam ‘*aqabah* (rintangan] ilmu bagi menekankan peri-pentingnya ilmu. Kesemua hadis tersebut dikumpulkan dan disusun mengikut susunan asal kitab. Rujukan asas susunan adalah berdasarkan cetakan *Dār al-Minhāj* dengan tahqiq daripada Bu Jumu’ah Abd al-Qādir Mukrī kerana cetakan ini telah dibandingkan dengan beberapa manukrip di Yaman, diperjelaskan perkataan-perkataan yang rumit dan ditakhrijkan hadis dan atsar yang terdapat di dalamnya. Begitu juga kesemua hadis dilabelkan mengikut penomboran kod agar memudahkan penjelasan di bahagian perbincangan. *Takhrij* dilakukan bagi mengetahui perawi bagi kesembilan-sembilan hadis tersebut. Selain itu, setiap hadis juga diterangkan sumbernya, bersama nombor hadis dan muka surat agar rujukan dapat dijalankan. Jika tiada nombor hadis, bab dan muka surat akan disertakan. Setiap hadis diletakkan nama serta status perawi yang digunakan sebagai objektif taburan. Rujukannya adalah dari *Taqrīb al-Tahdhīb*, karya Ibn Hajar al-‘Asqālānī, kerana rumusannya yang ringkas tentang status perawi sementara cetakan *Dar al-Rashīd* dipilih kerana ia tersedia dalam perisian *Maktabah al-Shamilah*. Jika tidak, sumber lain akan dinyatakan. Setiap status perawi juga diletakkan kod di sebelahnya bagi tujuan semakan statistik berulang. Tambahan lagi, kesemua hadis hanya dipaparkan secara *atrāf* (pangkal teks hadis) sahaja agar dapat menjimatkan ruang kajian.



JADUAL 1 Rumusan *takhrij* hadis dalam ‘*aqabah* ilmu

Kod	Teks Hadis	Sumber	J/MS	Status Hadis
A1	إن فضل العابد على العابد	<i>Sunan al-Tirmizī</i> (2685)	J 5 MS 50	<i>Hasan</i> (al-Tirmizī, 1975)
A2	نظرة إلى العالم	<i>Musnad al-Firdaus</i> (2645)	J 2 MS 124	<i>Dhoif Jiddan</i>
A3	ألا أدلكم على أشرف أهل الجنة	<i>Tarikh al-Jurjan</i> (215)	MS 172	<i>Munkar</i> (al-Albanī 1992)
A4	العلم إمام العمل	<i>Jamī‘ Bayān al-‘Ilm wa Fadluhu</i> (268)	J 1 MS 238	<i>Hasan</i> tetapi sanadnya tidak kuat [lemah] (Ibn Abd al-Bar 1994)
A5	إن نوما على علم خير من صلاة على جهل	<i>Hilyah al-Awliyā’</i>	J 4 MS 385	<i>Dhoif</i> (Al-Albanī 1992)
A6	إنه يلهمه السعداء	<i>Jamī‘ Bayān al-‘Ilm wa Fadluhu</i> (268)	J 1 MS 238	<i>Hasan</i> tetapi sanadnya tidak kuat [lemah] (Ibn Abd al-Bar 1994)
A7	طلب العلم فريضة	<i>Sunan Ibn Majah</i> (224)	J 1 MS 151	<i>Hasan</i> (Ibn Majah, 2009 [Tahqiq Shuayb al-Arnaut])
A8	من طلب العلم ليفاخر به العلماء	<i>Sunan al-Tirmidhī</i> (2654)	J 5 MS 32	<i>Hasan</i> (al-Tirmizi 1975 [Dihukumkan oleh al-Albanī])
A8		<i>Sunan Ibn Mājah</i> (253)	J 1 MS 170	<i>Hasan</i> (Ibn Majah, 2009 [Tahqiq Shuayb al-Arnaut])
A9	أطلعت ليلة المعراج على النار		Tidak dijumpai	

Hasil kajian mendapati daripada sembilan hadis yang terdapat di dalam ‘*aqabah* (rintangan) ilmu, tiga daripadanya iaitu A1, A7 dan A8 terdapat di dalam *kutub al-tis‘ah* sementara lima lagi iaitu A2, A3, A4, A5 dan A6 terdapat di dalam kitab yang jarang didengari seperti *Musnad al-Firdaus*, *Tarikh al-Jurjan*, *Jamī‘ Bayān al-‘Ilm wa Fadluhu* dan *Hilyah al-Awliyā’*. Hanya satu sahaja hadis iaitu A9 yang tidak dapat dijumpai sumber asalnya.

Setelah diteliti hadis-hadis tersebut, A1, A4, A6, A7 dan A8 merupakan hadis berstatus *hasan*. Hanya pada hadis A4 dan A6, al-‘Irāqī menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *hasan* pada perkataan Ibn ‘Abd al-Bar adalah *hasan ma’nawī* bukannya istilah *hasan* yang digunakan sesama ahli *hadis* (al-‘Irāqī 1987). Hanya hadis A3 sahaja yang berstatus munkar sementara selainnya iaitu A2 dan A5 masing-masing berstatus *dho’īf jiddan* dan *dho’īf*.

Setelah itu, perawi-perawi bagi setiap hadis tersebut telah dapat dikenal pasti. Rumusan taburan status perawi hadis di dalam ‘*aqabah* ilmu adalah berdasarkan jadual berikut:

JADUAL 2 Rumusan taburan status perawi hadis di dalam ‘*aqabah* ilmu


Kod	Nama dan Status Perawi	Sumber	J/MS
A1	1. Abu Umamah: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (2923)	276
	2. al-Qāsim: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (5470)	450
	3. Al Walīd bin Jamīl: <i>Sodūq yukhti’</i> (Q4)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (7419)	581
	4. Salamah bin Raja’: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (2490)	247
	5. Muhammad bin Abdil A’la: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (6060)	491
A2	1. Usāmah bin Zayd: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (316)	98
	2. Ahmad bin ‘Isā al-Misrī: <i>Dho’īf</i> (Q8)	<i>al-Taysīr</i>	1/489
A3	1. ‘Abdullah bin ‘Amrū: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (3499)	315
	2. Shu’ayb bin Muhammad: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (2806)	267
	3. ‘Amrū bin Shu’ayb: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (5050)	423
	4. Al-Muthannā bin al-Sobāh: <i>Dho’īf</i> (Q8)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (6471)	519
	5. Yahyā bin Salām: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>al-Jarh wa al-Ta’dīl</i> (642)	9/155
	6. Ahmad bin AbduLlāh : <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i>	81
	7. Muhammad bin Sa’īd al-Qadī: <i>Tidak dijumpai status</i> (Q12)	-	-
	8. Abu Muhammad Badal al-Isfarā’īnī: <i>Tidak dijumpai status</i> (Q12)	-	-

	1. Mu'ādh bin Jabal: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (6725)	535
	2. Al-Hasan: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (1227)	160
	3. Zayd al-'Ammī: <i>Dho 'īf</i> (Q8)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (2131)	223
	4. 'Abd al-Rahīm bin Zayd al-'Ammī: <i>Matrūk</i> (Q9)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (4055)	354
	5. Mūsā bin Muhammad bin 'Atā': <i>Muttahamun bi al-Kadhīb</i> (Q10) [Kesimpulan setelah meneliti pandangan-pandangan muhaddithin yang dikeluarkan]	<i>al-Dhu 'afā' wa al-Matrūkūn</i> (3470)	3/149
A4	6. 'UbayduLlāh bin Muhammad bin Khunays: <i>Tidak dijumpai status</i> (Q12)	-	-
	7. Muhammad bin Ayyub bin Yahyā: <i>Tidak dijumpai status</i> (Q12)	-	-
	8. Abū 'Abdullah Muhammad bin 'Abdullah bin Muhammad: <i>Tidak dijumpai status</i> (Q12)	-	-
	9. Abū 'Abdullah 'Ubayd bin Muhammad: <i>Dho 'īf</i> (Q8)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (4390)	378
	1. Salmān al-Fārisī: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>al-Jarh wa al-Ta 'dīl</i> (1289)	4/296
	2. Abū al-Bukhtaṛī: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (4390)	240
	3. al-'A'mash: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (2615)	254
	4. Ismā'īl [bin Ja'far]: <i>Lam yakun bihi ba 'sun</i> (Q7)	<i>al-Thiqāt mimman lam yaqa 'a fi kutub al-sittah</i> (1559)	2/368
	5. Muhammad [bin 'Alī]: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (6151)	497
A5	6. Ja'far bin Muhammad: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (950)	141
	7. Muhammad bin Yahya al-Dhorīr: <i>Tidak dijumpai status</i> (Q12)	-	-
	8. Ahmad bin Yahya al-Suffī: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (124)	85
	9. 'Abd al-Rahman bin al-Hasan: <i>Al-Hāfīz</i> (Q5) (Al-Dhahabī, 1985)	<i>Siyar A 'alām al-Nubalā'</i> (331)	17/509
	10. 'Abdullah bin Muhammad: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (3580)	320

	1. Mu‘ādh bin Jabal: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (6725)	535
	2. Al-Hasan: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (1227)	160
	3. Zayd al-‘Ammī: <i>Dho ‘īf</i> (Q8)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (2131)	223
	4. ‘Abd al-Rahīm bin Zayd al-‘Ammī: <i>Matrūk</i> (Q9)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (4055)	354
	5. Mūsā bin Muhammad bin ‘Atā’: <i>Muttahamun bi al-Kadhib</i> (Q10) [Kesimpulan setelah meneliti pandangan-pandangan muhaddithin yang dikeluarkan]	<i>al-Dhu‘afā’ wa al-Matrūkūn</i> (3470)	3/149
A6	6. ‘UbayduLlāh bin Muhammad bin Khunays: Tidak dijumpai status (Q12)	-	-
	7. Muhammad bin Ayyub bin Yahyā: Tidak dijumpai status (Q12)	-	-
	8. Abū ‘Abdullah Muhammad bin ‘Abdullah bin Muhammad: Tidak dijumpai status (Q12)	-	-
	9. Abū ‘Abdullah ‘Ubayd bin Muhammad: <i>Imām lakinnahu dhu Awhām</i> (Q6) (al-Dhahābī, 1963)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (4390)	378
	1. Anas bin Mālik: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (565)	115
	2. Muhammad bin Sīrīn: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (5947)	483
A7	3. Hafṣ bin Sulaymān: <i>Matrūk</i> (Q9)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (1405)	172
	4. Hisham bin Ammār: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (5703)	573
	1. Ka’ab bin Mālik: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (5649)	461
	2. Ibn Ka’ab bin Mālik [sama ada Abd Rahman bin Ka’ab atau Abdullāh bin Ka’ab kedua-duanya: <i>Thiqah</i> (Q2)]	<i>Tuhfat al-Ahwādihī</i>	7/346
	3. Ishāq bin Yahyā: <i>Dho ‘īf</i> (Q8)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (390)	103
	4. Umayyah bin Khālid: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (553)	114
A8	5. Abū al-Ash’as: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (110)	85
	1. ‘Abdullah bin ‘Umar: <i>Sohābī</i> (Q1)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (3490)	315
	2. Nāfi’: <i>Thiqah</i> (Q2)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (7086)	559
	3. Abū Karib al-Azdī: <i>Majhūl</i> (Q11)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (8326)	669
	4. Hammād bin ‘Abd al-Rahman: <i>Dho ‘īf</i> (Q8)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (1502)	178
	5. Hishām bin ‘Ammār: <i>Sodūq</i> (Q3)	<i>Taqrīb al-Tahdhīb</i> (7303)	573
A9	Hadis dan sanadnya tidak dijumpai	-	-

Hasil kajian mendapati sebanyak 57 orang perawi ditemui dalam hadis-hadis di dalam *Minhaj al-‘Ābidīn* setelah ditakhrij.

JADUAL 3 Rumusan statistik bilangan perawi



Kajian mendapati bahawa hadis A2 hanya ditemui dua orang perawi sahaja kerana *Musnad al-Firdaus* hanya menyebutkan *rawī al-a‘lā* sahaja iaitu Usāmah bin Zayd sementara Ahmad bin ‘Isā al-Misrī pula disebutkan oleh al-Munawī bahawa di dalam sanad hadis tersebut terdapat seorang perawi bernama Ahmad bin ‘Isā al-Misrī (al-Munawī, 1937). Bagi hadis A9 pula, tiada perawi ditemui kerana sumber bagi hadis tersebut tidak dijumpai. Selain itu, bagi hadis A7 pula, kajian mendapati bahawa hadis tersebut ditemui di dalam *Sunan Ibn Mājah* dan *Sunan al-Tirmidhī*. Kedua-duanya mempunyai empat orang perawi bagi jalur sanad masing-masing.

Tambahan lagi, sebanyak 11 status perawi telah ditemui setelah disemak status-status perawi tersebut. Sila rujuk jadual di bawah:


JADUAL 4 Rumusan senarai status perawi

Kod	Senarai Status Perawi
Q1	<i>Sohābī</i>
Q2	<i>Thiqah</i>
Q3	<i>Sodūq</i>
Q4	<i>Sodūq yukhti’</i>
Q5	<i>al-Hāfīz</i>

Q6	<i>Imām lakinnahu dhu Awhām</i>
Q7	<i>Lam yakun bihi ba’sun</i>
Q8	<i>Dho’ṭf</i>
Q9	<i>Matrūk</i>
Q10	<i>Muttahamun bi al-Kadhib</i>
Q11	<i>Majhūl</i>
Q12	Tidak dijumpai status

Kod bermula daripada Q1 sehingga Q7 merupakan lafaz *ta’dīl* sementara kod daripada Q8 sehingga Q11 merupakan lafaz *jarh*. Kod Q12 pula tidak dijumpai statusnya di dalam kitab-kitab *rijāl* setakat kajian ini dijalankan.

JADUAL 5 Rumusan statistik status perawi



Kajian mendapati bahawa perawi yang berstatus *ta’dīl*, bermula daripada Q1 sehingga Q7 sebanyak 35 orang sementara perawi yang berstatus *jarh* pula, bermula daripada Q8 sehingga Q11 sebanyak 13 orang. Tambahan lagi seramai sembilan orang perawi yang tidak dijumpai statusnya, Q12 terdapat di dalam hadis yang digunakan oleh al-Ghazālī di dalam *‘aqabah* (rintangan) ilmu.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan metodologi penyusunan hadis oleh al-Ghazālī dalam bab ilmu *Minhāj al-ʿĀbidīn* dengan menjawab tiga persoalan kajian utama. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa dalam bab ini terdapat sembilan hadis yang dikeluarkan oleh al-Ghazālī. Tiga daripadanya dijumpai dalam *al-Kutub al-Tisʿah* manakala lima hadis dijumpai selain daripadanya. Namun ia masih ditemui dalam kitab hadis bersanad. Manakala satu hadis tidak dijumpai asalnya. Kajian menjawab persoalan kedua dengan mengeluarkan analisis kesemua perawi daripada hadis-hadis tersebut dan melakukan penilaian. Hasil kajian mendapati sebanyak 35 orang perawi dinilai dengan *taʿdīl* manakala baki 13 yang lain dikritik oleh para ulama hadis. Sembilan orang perawi tidak ditemui penilaian mengenai mereka dalam apa-apa karya biografi perawi.

Justifikasinya, disarankan agar kajian lanjut dijalankan terhadap bab-bab yang lain dalam kitab *Minhāj al-ʿĀbidīn* ini agar hasil yang tuntas dapat diperolehi.

## RUJUKAN

- Abdul Salam Hj Yussof. 2005. Pujian dan kritikan terhadap Imam al-Ghazali. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 6:41-48.
- Abu Nuʿaym, Ahmad bin Abdullah. 1974. *Hilyah al-Awliyāʾ*. Mesir: Al-Saʿādah.
- al-Albanī, Muhammad Nasir al-Dīn. 1992. *Silsilah al-Ahadith al-Dhoʿifah wa al-Mauduʿah*. Riyadh: Dar al-Maʿārif.
- Aminuddin. 2021. Pemikiran etika sufistik menurut al-Ghazali dalam kitab Minhaj al-ʿĀbidin. *Jurnal Studi Islam Kawasan Melayu* 4(2): 133-147.
- Azlan Khalili Shamsudin. 1991. *al-Ghazali dan Konsep al-Nor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Zarrina Saʿari. 1998. A Study of Some Works of Sufism Commonly Attributed to al-Ghazali. Tesis Dr. Fal, Universiti Edinburgh.
- Che Zarrina Saʿari. 2021. Some Aspects of Sufism in Minhaj al-ʿĀrifin of al-Ghazali Afkar. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 4(1): 63-86 .
- al-Dailamī, Abū Shujaʿ. 1986. *Al-Firdaus bi Maʿthūr al-Khitāb*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlamiyyah.

- al-Dhahabī, Muhammad bin ‘Alī. 1985. *Siyar A ‘alām al-Nubalā’*. Tahqīq: Sekumpulan pentahqīq di bawah seliaan Shu‘ayb al-Arna’ūt. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Dewi Komalasari. 2017. Takhrij Al-Hadits Dalam Kitab Minhaj Al-Abidin Karya Imam al-Ghazali (Sebuah Kajian Analisis Sanad Hadis Dalam Bab Aqabah Al-Bawāits). Disertasi Sarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad. 1993. *al-Munqidh min al-Dhalāl wal Muḥsih bil Ahwāl. Disemak Semula oleh Sameh Daghim*. Beirut: Dārul Fikr al-Lubnāni.
- al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad. 2006. *Minhāj al-‘Ābidīn*. Tahqīq: Bu Jumu‘ah Abd al-Qādir Mukrī. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Gearon, E. 2017. The History and Achievements of the Islamic Golden Age. In the Great Courses Plus. <https://www.thegreatcoursesplus.com/the-history-and-achievements-of-the-islamic-golden-age>.
- al-Haytamī, Ahmad bin ‘Alī. 1986. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Tahqīq: Muhammad ‘Awwamah. Syria: Dar al-Rashīd.
- Ibn ‘Abd al-Bar, Yusuf bin Abdullah. 1994. *Jamī’ Bayān al-‘Ilm wa Fadhlulu*. Tahqīq: Abu al-Ashbal al-Zuhairi. Arab Saudi: Dar Ibn Jawzī.
- Ibn Abī Hātim, Abd al-Rahman bin Muhammad. 1952. *Al-Jarh wa al-Ta’dīl*. Beirut: Dar Ihyā’ al-Turath.
- Ibn Jawzī, Abd al-Rahman bin ‘Alī. 1986. *al-Dhu‘afā’ wa al-Matrūkūn*. Tahqīq: Abdullah al-Qadhī. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Mājah, Muhammad bin Yazīd. 2009. *Musnad Ibn Mājah*. Tahqīq: Shu‘ayb al-Arna’ūt. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah.
- Ibn Qutlūbughā, Qasīm bin Qutlūbughā. 2011. *al-Thiqāt mimman lam yaqa‘a fī kutub al-sittah*. Sanaa: Markaz al-Nu‘mān.
- al-Jurjānī, Hamzah bin Yusuf. 1987. *Tarikh Jurjān*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- Kamal Azmi Abd. Rahman. 2023. Kedudukan Ilmu Falsafah dalam Islam Menurut al-Ghazali (1058-1111m). *Jurnal Sains Insani* 8(1): 41-50.
- al-Munāwī, Muhammad ‘Abd al-Ra’ūf, 1988. *Al-Taysīr bi Sharh Jāmi’ al-Soghīr*. Riyadh: Dar al-Imām al-Shāfi’ī.



- al-Munāwī, Muhammad ‘Abd al-Ra’ūf. 1937. *Faidh al-Qadīr*. Mesir: Maktabah al-Tijārah al-Kubrā.
- al-Mubārakfūrī, Muhammad Abd al-Rahman. t.th. *Tuhfat al-Ahwādhī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilamiyyah.
- M.M. Shariff 1994. *Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, terjemahan oleh Khidmat Terjemahan Nusantara.
- Miguel Asin Palacios. 1952. *La Mystique D’al-Ghazali*. Perancis: Forgotten Books.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad & R Zirwatul Aida R Ibrahim. 2018. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Hidayat Mahadi, Imam al-Ghazali. 2018. Buletin ACIS Siri 6. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57962/1/57962.pdf>.
- Murtadā al-Zubaidī. 2019. *Ithāf al-Sādah al-Mutaqīn bi-Sharh Asrār Ihyā ‘Ulum al-Dīn*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabiyy.
- al-Rasyidin & S. Nizar. 2005. *Filsafat Pendidikan Islam: Pendekatan Historis, Teoritis dan Praktis*. Ciptat: PT Ciptat Press.
- Rani, M. A. M., Said, S., Izham, S. S., Zulkifli, H. S. M., Hasanuddin, P. A., Saad, M. F. M., & Abbas, M. S. 2002. The book of Minhaj al-‘Abidin: The contribution of al-Ghazali’s thought in the moral education of today’s society. *International Journal of Mechanical Engineering* 7 (4): 93-99.
- Roslina Othman, Mohamad Fauzan Noordin, Tengku Mohd Tengku Sembok, Akram M.Z.M. Kheder, Emma Nuraihan Mior Ibrahim & Sadia Hamid Kazi. 2016. A finite state model for a self-help system based on Minhaj ‘al Abidin. *Research Journal of Applied Sciences* 11(6): 345-351.
- Sayyid Abul A’la Maududi. 2009. *A Short History of the Revivalist Movement in Islam*. New Delhi: Markazi Maktaba Islami Publishers.
- Sayyid Muhammad Aqil. 1998. *al-Imām al-Ghazālī wa Ilm al-Hadīth*. Mesir: Dār al-Hadīth.
- Smart, N. 2008. *Falsafah Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

- al-Tirmidhī, Muhammad bin ‘Isā. 1975. *Sunan al-Tirmidhī. Tahqīq: Ahmad Muhamamd Shākir*. Mesir: Musthofā al-Halabī.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Khairunneezam Mohd Noor, Mahazan Abdul Mutalib & Mohd Rushdan Mohd Jailani. 2020. Empat sifat mulia yang utama dalam kepemimpinan berasaskan qalb: Pelajaran daripada Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn oleh Imam al-Ghazali (450-505H / 1058-1111M). *Sains Insani* 5 (2): 141-156.
- Watt Montgomery. 1949. The authenticity of the works attributed to al-Ghazali. *Journal of the Royal Asiatic Society*: 24-45.
- Wildan Jauhari. 2018. *Hujjatul Islam Imam al-Ghazali*. Rumah Fiqih Publishing: Jakarta.